

4.6 juga pelanggan berdaftar di myTNB

Oleh [Ilah Hafiz Aziz](#) - Oktober 16, 2020 @ 2:11pm

illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my



GAMBAR HIASAN

KUALA LUMPUR: Lebih 4.6 juta pelanggan berdaftar menerusi aplikasi myTNB, sehingga 13 Oktober lalu selepas Tenaga Nasional Berhad (TNB) melakukan transformasi digital urusan melalui portal dan aplikasi.

Ia mencatat peningkatan memberangsangkan sebanyak 102.9 peratus sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula dilaksanakan pada 18 Mac lalu.

Menerusi kenyataan TNB, aplikasi itu boleh dimuat turun di Google Play, Apple Play App Store, Huawei AppGallery dan pelanggan juga boleh melayari www.mytnb.com.my.

"Menerusi aplikasi itu, pelanggan boleh menyemak bil elektrik bagi semua akaun milik pelanggan, menambah dan menguruskan akaun milik orang tersayang seperti ibu bapa di kampung dan mengenalpasti jumlah penggunaan elektrik secara bulanan.

"Mereka juga boleh melihat sejarah penggunaan elektrik, membayar bil elektrik dengan mudah serta menyampaikan maklum balas berkenaan bil secara dalam talian," katanya.

Bagi lebih 600,000 pengguna Meter Pintar di Lembah Klang dan Melaka pula, mereka boleh memantau penggunaan elektrik secara harian melalui portal atau aplikasi myTNB sekali gus memberi kuasa untuk mengurus penggunaan elektrik terutamanya ketika sedang mematuhi PKP Bersyarat (PKPB).

Kata Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan, kemudahan untuk melakukan urusan pembayaran melalui portal dan aplikasi myTNB amat berguna ketika ini apabila beberapa negeri di Semenanjung berada di bawah PKPB.

"Pelanggan tidak perlu bersusah payah keluar dan beratur di kaunter atau kios untuk membayar bil elektrik lebih-lebih lagi sewaktu penularan semula wabak COVID-19,"katanya,

Aplikasi myTNB kini sudah ditambah baik dan pelanggan boleh memilih bahasa pengantar iaitu Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

Selain itu dalam kempen bermula 12 Oktober hingga 9 Disember ini, pelanggan yang membayar bil elektrik mereka menerusi myTNB berpeluang memenangi telefon mudah alih Huawei P40 Pro dengan hanya memenuhi syarat seperti muat turun aplikasi, menambah akaun TNB dan membuat bayaran penuh.